

AKHBAR : BERNAMA

MUKA SURAT : ONLINE

TARIKH : 28 NOVEMBER 2023

HARI : SELASA

SENTIMEN : POSITIF

Español தமிழ்

BERNAMA.com

TIGA GRADUAN YATIM PIATU CEKAL KEJAR ILMU DEMI SEGULUNG IJAZAH



Fatin Fadhlina Mat Desa, Noor Farah Adilah Mat Yusof, dan Nurul Islam Abdullah

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Ketiadaan ibu bapa tercinta di sisi untuk menemani perjalanan akademik, tidak menjadi alasan bagi tiga graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) mendaki menara gading apabila berjaya menggenggam ijazah dalam bidang sains pada Majlis Konvokesyen UPM ke-47 Sidang 2 Tahun 2023 hari ini.

Graduan Bachelor Sains Akuakultur dengan Kepujian Fatin Fadhlina Mat Desa, 25, yang kehilangan ibunya Ramelah Said akibat kanser usus pada tahun lepas, mengakui situasi itu meninggalkan kesan pada dirinya, namun terus cekal dalam menghadapi dugaan demi menunaikan hasrat ibunya untuk dia mendapatkan segulung ijazah.

"Pada mulanya, saya tidak dapat menerima kehilangan ibu kerana dia adalah antara pemangkin semangat saya untuk meneruskan pengajian dan keinginan arwah ibu untuk melihat seorang daripada anaknya memperoleh ijazah," katanya yang turut kehilangan bapa ketika masih bersekolah rendah.

Mengenai program pengajiannya, graduan Fakulti Pertanian UPM itu berkata bidang berkenaan mampu memberi manfaat dalam industri maritim bagi memenuhi keperluan sektor pertanian masa kini.

"Saya akui tidak ramai yang mengetahui mengenai bidang ini, namun sebenarnya program pengajian ini didedahkan dengan kemahiran teori dan praktikal dalam bidang akuakultur dan kepentingan sejagat dalam isu keterjaminan makanan," katanya menerusi kenyataan yang dikongsikan UPM.

Graduan Bachelo Sains Biologi dengan Kepujian Noor Farah Adilah Mat Yusof, 23, yang diuji dengan kehilangan ibu bapa pada tahun yang sama turut berkongsi kepayahan yang dialami khususnya melibatkan kewangan.

Namun, dengan kecekalan dan bantuan keluarga terdekat ternyata cabaran berkenaan hanyalah rintangan sementara.

"Arwah ibu meninggal akibat kanser paru-paru pada awal 2018 dan kemudiannya arwah ayah meninggal dunia secara tiba-tiba pada pertengahan 2018, kehilangan mereka telah memberi kesan kepada diri saya.

"Pada awal semester, saya mengalami kesusahan dari segi kewangan untuk membayar yuran pengajian, namun saya bersyukur ibu bapa saudara banyak membantu menyalurkan bantuan kewangan hingga semester kedua saya berjaya mendapat biasiswa daripada Kuok Foundation Berhad," katanya.

Sementara itu, graduan Bachelo Sains Statistik dengan Kepujian Nurul Islam Abdullah, 23, tidak pernah terfikir untuk berputus asas walaupun kehilangan kedua ibu bapanya ketika masih kecil kerana ingin membuktikan bahawa statusnya sebagai anak yatim piatu tidak menjadi penghalang buatnya mencapai kejayaan dalam mengejar ilmu.

"Saya kehilangan ibu Sarimah Zakaria akibat sakit buah pinggang ketika berusia 3 tahun dan ayah Abdullah Ahmad Nasruddin meninggal dunia akibat angin ahmar ketika berumur 8 tahun, namun saya bersyukur kedua-dua kakak menjaga saya walaupun mereka ketika itu tidak mempunyai kerja tetap.

"Antara perkara yang saya akan ingat sampai akhir hayat ialah pengorbanan kakak ketika dia mendapat tawaran sambung belajar dan menggunakan duit pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menanggung saya," katanya.

Rezeki kini berpihak kepada Nurul Islam apabila beliau berjaya mendapat pekerjaan sebagai Pegawai Eksekutif Pemasaran di sebuah syarikat swasta dan berhasrat untuk membalas segala jasa kakak-kakaknya iaitu Nurul Ehsan dan Nurul Iman.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2248993>